

# Berjasa sokong pindaan

**ALOR STAR, Rabu —** Pindaan perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini bertujuan untuk melicinkan pentadbiran negara, sesuai dengan cogan kata '*bersih, cekap dan amanah*', demikian pendapat Pesuruhjaya Berjasa Kedah, Haji Ahmad Senawi.

Bellau berkata pindaan itu perlu dibuat untuk mencapai matlamat dasar-dasar kerajaan sekarang.

Haji Ahmad menyokong penuh pindaan itu kerana tujuannya telah dijelaskan oleh Men-

— Oleh —  
**SUHAIMI ASMAWI**

teri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Abdullah Ahmad Badawi ketika berucap kepada ahli-ahli exco kerajaan negeri dan wakil-wakil rakyat di Kangar semalam.

Datuk Haji Abdullah menjelaskan pindaan perlembagaan itu bukan bertujuan untuk membelakangkan kedudukan raja-raja.

## Tujuan baik

Menteri itu berkata pindaan itu tidak sedikit pun menjejaskan hak keistimewaan raja-raja seperti yang termaktub dalam perlembagaan.

"Saya berpendapat setiap pindaan perlembagaan itu mempunyai tujuan baik," kata Haji Ahmad.

Setiausaha Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah cawangan Kedah-Perlis, Haji Ahmad Saad, turut menyokong pindaan perlembagaan itu.

"Saya puas hati dengan jaminan yang diberikan oleh Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamad Adib Adam dua hari lalu bahawa perlembagaan dipinda untuk menguatkan kedudukan pemerintahan raja-raja berperlembagaan dan bukan untuk menubuhkan sebuah negara republik."

Persatuan Penjaja dan Peninggi Kecil Melayu Kedah juga memberi sokongan penuh.

Yang Dipertuanya, Encik Ayub Haji Saad, berkata walaupun beliau tidak mengetahui kandungan perlembagaan itu tetapi beliau berpuashati dengan penjelasan oleh kedua-dua menteri itu.